

12/07/1998

Melaka sokong PM

MELAKA: Badan Perhubungan Umno Melaka berikrar menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan mahu jawatan presiden serta timbalan presiden Umno tidak dipertandingkan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, mengetuai bacaan ikrar dalam perjumpaan Dr Mahathir dengan 75 pemimpin Umno Melaka di Ayer Keroh Country Resort di sini, semalam.

(END)